

31/07/1997

Menyuburkan kegiatan sastrera

A Rahim Abdullah; Jamudin Idris

AKHBAR Berita Harian yang lahir pada 1 Julai 1957 turut menyediakan agenda yang khusus untuk memberi ruang kepada pengarang, sasterawan dan penulis tanah air mengisi minda mereka dalam mencerna karya kreatif dan nonkreatif.

Sebagai media utama penyebar maklumat dan komunikasi dengan pembaca dan rakyat, kesusasteraan dan kebudayaan adalah wahana penting pembangunan negara yang mengharapakan komitmen karyawan untuk mengisi pembangunan minda rakyat yang sedang menempuh zaman merdeka, selepas merdeka dan pascamerdeka.

Sejak awal lagi Berita Harian dan Berita Minggu mewujudkan ruangan sastrera bagi membolehkan golongan penulis menggerakkan pena mereka, bergerak selari dengan cita-cita nasional membina sebuah negara bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Apa yang menariknya bagi menggalakkan penulis dan pengarang berkarya, akhbar Berita Minggu sejak akhir 1960-an lagi mula mengamalkan sistem memberi honorarium ataupun imbalan atas penat lelah penulis apabila karya mereka tersiar di akhbar. Usaha ini turut merobah sistem sebelum ini, dan ini sebenarnya cukup penting dalam konteks pembinaan dan pengembangan sastrera tanah air, di samping usaha yang dilakukan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Amalan tidak membayar honorarium oleh beberapa penerbit dan akhbar lain sebelum ini yang dianggap tidak wajar itu, turut mengubah struktur sosial secara tidak langsung. Dalam erti kata lain, amalan Berita Harian yang menghargai jasa dan sumbangan pemikiran kaum penulis itu memperlihatkan betapa prihatinnya dengan nasib penulis dan sasterawan yang tidak mendapat tempat dalam masyarakat yang baru mencapai kemerdekaan.

Walaupun bayaran RM100 untuk sagu hati cerpen dan RM10 untuk sebuah sajak yang tersiar di Berita Minggu ketika itu amat kecil, jika dibandingkan dengan sekarang tetapi sikap itu tetap memberikan semangat yang tinggi kepada kaum penulis. Hasilnya banyak lahir pengarang baru yang terasuh daripada halaman sastrera Berita Minggu yang kemudiannya menjadi penulis dan sasterawan terkenal tanah air.

Barangkali tidak salah jika dikatakan bakat besar Sasterawan Negara Datuk Dr Usman Awang, Datuk A Samad Said dan Datuk Abdullah Hussain, serta A Wahab Ali, Alias Ali, Fatimah Busu, Latiff Mohidin, Yahya Ismail dan S Othman Kelantan dikenali sekarang tanpa bantuan dan pembabitan mereka yang serius menerusi galakan sastrera di akhbar.

Memandangkan tahun 1960-an adalah era zaman mendaulatkan bahasa Melayu dan ketika itu isu perlunya sebuah universiti kebangsaan hangat diperkatakan, Berita Harian tidak diam dengan menyediakan tapak kepada penulis meluahkan perasaan pentingnya universiti berkenaan.

Sepanjang 1970-an, kegiatan sastrera bertambah rancak apabila kerajaan di bawah Perdana Menteri Tun Abdul Razak, memulakan program tahunan Hadiah Sastrera Malaysia. Kebanyakan editor sastrera akhbar, sasterawan dan sarjana sastrera turut dipermanfaatkan pemerintah apabila mereka dilantik menjadi panel penilai bagi karya yang tersiar di akhbar sepanjang tahun.

Pembinaan kesusasteraan Melayu tidak mungkin sampai ke tahap yang membanggakan jika tidak ada akhbar Melayu. Akhbar bukan saja menjadi gelanggang untuk penulis berkarya, tetapi tidak kurang penting sumbangannya menyediakan dana untuk memartabatkan bahasa, misalnya Zamalah Sastrera anjuran Berita Harian.

Zamalah atau fellowship untuk penulis tanah air dilancarkan sebagai memperingati kemerdekaan negara yang ke-26, khusus untuk penulis mapan dan baru sebagai manifestasi syarikat persuratkhabaran menyatakan sokongan dan galakannya ke arah meningkatkan karya sastera tanah air, setanding dengan bidang sosiobudaya lain.

Pada 20 November 1983, Berita Harian menubuhkan Unit Pembangunan Sastera yang diketuai A Samad Said (kini Datuk). Unit itu berusaha membina masyarakat pembaca yang mendapat semua maklumat penting dan dapat membantu mereka membuat keputusan penting dalam kehidupan hariannya.

Dengan wujudnya unit ini bererti fokus Berita Harian kepada kegiatan dunia sastera semakin terurus. Berita kegiatan penulis, seminar kesusasteraan, sayembara puisi dan teater, semakin mendapat tempat bagi mengembangkan minat orang ramai.

Bekas Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Sebi Bakar, berharap dengan program zamalah dan penubuhan unit sastera itu, terbinanya tradisi keilmuan di kalangan pembaca. Apabila subur tradisi keilmuan itu pastilah ada di antara mereka yang menjadi penulis atau sasterawan yang menghormati ilmu.

Sasterawan Negara Datuk Dr Usman Awang adalah penerima pertama Zamalah Sastera Berita Harian bagi kategori penulis terkenal yang memberikan segala kemudahan untuk menghasilkan karyanya. Zamalah Sastera ini dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena hari kebangsaan ke-27.

Daripada penulisan kreatif, pada akhir dekad 80-an, Berita Harian pula menjadi penganjur dan mengeluarkan dana yang khas setiap tahun bagi menjayakan pertandingan menulis skrip drama pentas dengan kerjasama Majlis Teater Malaysia (Tema).

Halaman sastera yang dominan diperkenalkan akhbar ini mulai pertengahan 1990-an, menjadikan Berita Harian/Berita Minggu akhbar terbanyak menyediakan ruang sastera budaya (kecuali hari Jumaat). Perubahan ini memperlihatkan tanggungjawab sosialnya yang tinggi dalam usaha menjadikan sastera sebagai wadah utama menjana pemikiran rakyat.

Kebanyakan pengarang, penolong pengarang, wartawan atau mereka yang berkhidmat dengan Berita Harian dan Berita Minggu pada dekad awal dan pertengahannya, adalah pengarang dan sasterawan yang terkenal seperti A Samad Ismail, A Samad Said, Adibah Amin, A S Amin, Ahmad Sebi, Sutan Sharil Lembang, A Shukor Harun, Malungun, Rashidah Ismail, Khatijah Hashim, Zubaidah Abd Rahman, Salmah Mohsin, Herman Nur Ayub, Hazdrani A R, Shafie Nor dan A R Kamaluddin.

(END)